

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Waspada taktik penipuan dalam talian semakin canggih
Date : 17 August 2026
Section : Dunia
Page : 8



Waspada taktik penipuan dalam talian semakin canggih

Penipu dalam talian kini turut menggunakan media sosial, laman sesawang palsu serta teknologi AI: Yap

KUCHING:Warga emas dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada terhadap taktik penipuan dalam talian yang semakin canggih termasuk penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk memperdayakan mangsa.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Sentosa Wilfred Yap berkata, penipu dalam talian kini turut menggunakan media sosial, laman sesawang palsu serta teknologi AI.

Menurutnya, teknologi seperti suara janaan AI, pertukaran wajah, imej palsu dan video deepfake mampu menjadikan komunikasi penipuan kelihatan semakin meyakinkan.

“Melihat wajah yang dikenali atau mendengar suara yang dikenali tidak lagi boleh dianggap sebagai bukti identiti terutama apabila seseorang meminta wang, maklumat perbankan atau

“Melihat wajah yang dikenali atau mendengar suara yang dikenali tidak lagi boleh dianggap sebagai bukti identiti terutama apabila seseorang meminta wang, maklumat perbankan atau bantuan kewangan segera.”

Wilfred Yap
ADUN Kota Sentosa

bantuan kewangan segera,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Ceramah Kesedaran Anti-Scam & Pendaftaran Faedah Kesihatan Warga Emas di BEM The Way Sentosa anjuran Pertubuhan Kebajikan Pengguna Sarawak (SCWA), semalam.

Yap menambah lagi penipu dalam talian turut memanipulasi emosi mangsa dengan mewujudkan rasa takut,

terdesak, simpati, tamak atau teruja supaya mangsa bertindak tanpa sempat membuat semakan.

“Jangan panik, jangan tergesa-gesa. Berhenti, semak dan sahkan,” katanya sambil mengingatkan orang ramai supaya tidak mendedahkan OTP, PIN, kata laluan atau maklumat perbankan kepada sesiapa.

Katanya lagi, warga emas khususnya perlu diberi per-



UNTUK ALBUM:Yap (tengah) merakam kenangan bersama hadirin pada Ceramah Kesedaran Anti-Scam & Pendaftaran Faedah Kesihatan Warga Emas di BEM The Way Sentosa, semalam.

hatian kerana golongan itu mungkin kurang biasa dengan perkembangan teknologi dan bentuk penipuan baharu.

“Ahli keluarga perlu sentiasa mengingatkan ibu bapa serta saudara-mara yang lebih berusia supaya tidak mudah mempercayai panggilan tidak

dikenali dan mendapatkan pandangan orang dipercayai sebelum membuat transaksi kewangan,” tambah beliau menjelaskan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Kebajikan Pengguna Sarawak (SCWA) Jimmy Ling berkata

pengecahan penipuan bukan semata-mata bergantung kepada teknologi kerana penipu sering mengeksploitasi kepercayaan dan emosi manusia.

Beliau menggesa orang ramai supaya mengesahkan sebarang permintaan men-

curigakan melalui saluran rasmi serta berkongsi pengetahuan berkaitan penipuan dengan ahli keluarga khususnya warga emas.

Program berkenaan turut menampilkan taklimat oleh PDRM mengenai ancaman penipuan semasa termasuk penipuan pekerjaan, pelaburan, perbankan dan penyamaran, pembelian dalam talian serta love scam.

Peserta turut diberi penegasan mengenai tindakan segera yang perlu diambil sekiranya menjadi mangsa penipuan, termasuk menghubungi National Scam Response Centre (NSRC) di talian 997.

Program berkenaan turut menyediakan bantuan pendaftaran Senior Citizen Health Benefit (SCHB) bagi memastikan warga emas yang layak mengetahui dan mendapat akses kepada manfaat berkenaan.